

## **Pengetahuan Maqasid Syariah dalam Kalangan Usahawan Asnaf**

SITI SYUHADA ABD RAHMAN  
Jabatan Ekonomi dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
MALAYSIA  
[sitisyuhada@kuis.edu.my](mailto:sitisyuhada@kuis.edu.my)

JUNAINAH IDRIS  
Jabatan Ekonomi dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
MALAYSIA  
[junainah@kuis.edu.my](mailto:junainah@kuis.edu.my)

AZRI RIZAL MD RAZALI  
Jabatan Ekonomi dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
MALAYSIA  
[azririzal@kuis.edu.my](mailto:azririzal@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Keusahawanan merupakan salah satu aktiviti yang signifikan dalam proses perkembangan dan pembangunan ekonomi negara. Di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mendokong sektor keusahawanan. Ini termasuk sokongan dalam bentuk latihan keusahawanan. Namun, selain menjalankan perniagaan dengan matlamat mendapatkan keuntungan, usahawan Muslim juga perlu memastikan perniagaan dijalankan mengikut syariat Islam agar dapat memenuhi kehendak dan keperluan persekitaran, mendapat keberkatan serta keredhaan Allah S.W.T. Kajian ini bertujuan menilai tahap pengetahuan usahawan asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) terhadap prinsip-prinsip *maqasid syariah* dalam perniagaan. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang responden dalam kalangan usahawan asnaf LZS. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (IBM SPSS)* versi 21.0. Kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan usahawan asnaf dalam aspek *maqasid syariah* adalah sederhana (min 3.50). Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak kerajaan agar menambahbaik modul latihan keusahawanan yang lebih berkualiti dan menekankan prinsip-prinsip syariah Islam khususnya kepada usahawan Muslim.

**Kata kunci:** *Keusahawanan Islam, Lembaga Zakat Selangor, Prinsip-prinsip Syariah*

### **ABSTRACT**

Entrepreneurship is one of the significant activities in the country's economic development process. In Malaysia, the government has implemented various initiatives to support the entrepreneurship sector. This includes support in the form of entrepreneurial training. However, in addition to doing business with the aim of making a profit, Muslim entrepreneurs also need to

ensure that business is conducted according to Islamic law in order to meet the needs and requirements of the environment, and to obtain the blessing and pleasure of Allah S.W.T. This study aimed to assess the level of knowledge of *asnaf* entrepreneurs (under the Selangor Zakat Authority (LZS) programme) about the principles of *maqasid syariah* in business. This quantitative study used a questionnaire form distributed to 100 respondents among the *asnaf* entrepreneurs. The data were analyzed using Statistical Package for Social Science (IBM SPSS) version 21.0. This study has found that the level of knowledge of *asnaf* entrepreneurs in the aspect of *maqasid syariah* is moderate (min 3.50). It is hoped that this study will help the government to improve the quality of entrepreneurship training modules and emphasize Islamic *Syariah* principles especially for Muslim entrepreneurs.

**Key Words:** *Islamic Entrepreneurship, Selangor Zakat Authority, Syariah Principles*

## **PENGENALAN**

Keusahawanan adalah penyumbang penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara yang mampan. Peranan penting usahawan dalam ekonomi telah diakui secara meluas kerana mereka mencipta perusahaan baru, memacu dan membentuk inovasi, mempercepat perubahan struktur dalam ekonomi dan memperkenalkan bentuk-bentuk persaingan baru. Keusahawanan juga memberi impak penting kepada masyarakat dari segi peningkatan taraf kehidupan, tanggungjawab sosial, dan pengukuhan industri (Sodri Ariffin & Syahira Hamidon, 2017).

Menurut Ismail Nizam dan Moussa Larbani (2014), di negara-negara maju dan membangun di seluruh dunia, kefahaman dan amalan keusahawanan berkisar mengenai keusahawanan konvensional berdasarkan teori keusahawanan yang dipelopori oleh sarjana barat seperti Kirzner (1998), Knight (1921), dan Schumpeter (1934). Secara umumnya teori-teori keusahawanan konvensional tidak meneroka kepentingan faktor keagamaan dalam keusahawanan (Ismail Nizam & Moussa Larbani, 2014). Selain itu, didapati bahawa penyelidikan mengenai peranan agama dalam keusahawanan adalah sangat terhad (Gumusay A.A., 2015; Dana L.P., 2010).

Di Malaysia kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mendokong sektor keusahawanan. Ini termasuk sokongan dalam bentuk dana perniagaan, infrastruktur, latihan dan lain-lain (Yahya Ibrahim, 2014). Usahawan *asnaf* adalah salah satu kategori usahawan yang dibentuk oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk memperbaiki taraf ekonomi mereka agar dapat keluar daripada belenggu kemiskinan. Terdapat enam kategori usahawan *asnaf* niaga yang dibentuk oleh LZS iaitu kategori makanan, perkhidmatan, peruncitan, penternakan, perikanan, dan pertanian. Usahawan *asnaf* LZS yang terpilih akan diberi bantuan modal awal perniagaan sebanyak RM5,000, dan akan dipantau secara berkala oleh pihak LZS. Selain itu, mereka juga akan diberi latihan keusahawanan secara percuma oleh konsultan yang dilantik oleh LZS. Usaha LZS banyak membuahkan hasil, buktinya pada tahun 2017, seramai 175 keluarga telah berjaya keluar dari kategori *asnaf* melalui program *asnaf* niaga (Lembaga Zakat Selangor, 2017).

Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat peranan agama dalam keusahawanan dengan menilai tahap pengetahuan usahawan *asnaf* LZS terhadap prinsip-prinsip *maqasid syariah* dalam

perniagaan. Ini untuk memastikan bahawa latihan keusahawanan yang diberikan oleh pihak LZS secara khususnya dapat membimbing usahawan asnaf LZS untuk menjalankan perniagaan mengikut syariat Islam. Ini demi memenuhi kehendak dan keperluan persekitaran, mendapat keuntungan sewajarnya, serta mendapat keberkatan dan keredhaan Allah S.W.T.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Keusahawanan Islam**

Keusahawanan Islam merujuk kepada dua konsep utama iaitu keusahawanan dan Islam. Islam secara asasnya adalah pengakuan kepercayaan seseorang Muslim bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad S.A.W adalah PesuruhNya. Manakala perkataan keusahawanan berasal dari '*entreprendre*' Perancis dan '*unternehmen*' Jerman yang bermaksud 'melakukan'. Ini merujuk kepada usahawan menjalankan sesuatu usaha yang tidak dilakukan oleh orang lain dengan mengeksploitasi peluang melalui penggabungan sumber-sumber yang ada sambil menanggung risiko perniagaan. Oleh itu, keusahawanan Islam adalah berdasarkan tiga komponen utama yang saling berkait iaitu keusahawanan, sosio-ekonomi atau etika, dan agama atau spiritual (Gumusay, A.A. (2015).

Menurut Kalsom Abdul Wahab dan Ahmad Rafiki (2014) konsep keusahawanan Islam adalah berdasarkan amalan perniagaan Rasulullah S.A.W. Keusahawanan Islam merupakan kombinasi ekonomi berorientasikan keuntungan yang menggalakkan kesejahteraan dengan asas agama, etika, dan faktor sosial yang kukuh. Usahawan Muslim perlu memastikan perniagaan dijalankan mengikut syariat Islam. Ini kerana Islam adalah satu cara hidup, dan segala aktiviti yang dilakukan merupakan ibadah kepada Allah S.W.T dan akan mendapat ganjaran di akhirat kelak.

Sebagai usahawan Muslim, tiada idola yang lebih baik daripada Rasulullah S.A.W. Sejarah telah membuktikan keunggulan dan kejayaan strategi perniagaan Rasulullah S.A.W dan ini seharusnya menjadi panduan dan rujukan bagi usahawan Muslim dalam menjalankan perniagaan mereka. Kejayaan dan kegemilangan sesuatu perniagaan tidak seharusnya hanya diukur dengan banyaknya keuntungan, pertambahan cawangan atau penjenamaan yang besar tetapi juga melalui pelaksanaan yang mengikut ketetapan syariah dan penyaluran keuntungan yang mengambil kira kebajikan ummah.

Menurut Kamal Abd Razak (2017) Islam adalah suatu cara hidup dan keusahawanan adalah sebahagian daripada sistem tersebut. Keusahawanan Islam merujuk kepada sistem, proses, dan amalan dalam pelaksanaan perniagaan menurut cara Islam. Usahawan Muslim perlu menjadikan Al-Quran dan As-sunnah sebagai rujukan utama dalam aktiviti keusahawanan.

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودَ الَّذِينَ  
يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُدَىٰ  
اللَّهُ يَهْدِي بِهِ مَن يَشَاءُ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن هَادٍ ﴿٢٣﴾

“Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang kebenarannya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya”.

(Az-Zumar: 23)

Menurut Farida Mohammed Shehu et. al (2015), keusahawanan Islam adalah sistem yang berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Oleh itu, objektif keusahawanan Islam atau menjalankan perniagaan sepatutnya dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip *maqasid syariah*. Keusahawanan menurut cara Islam adalah amat dianjurkan. Terdapat beberapa bukti dalam Al-Quran dan Sunnah yang menggalakkan keusahawanan serta menunjukkan faedah, kebenaran dan nilai yang diperolehi sekiranya terlibat dalam kegiatan keusahawanan:

لَا يَلْفُ قُرَيْشٍ ﴿١﴾ إِذْ لَفِيهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ ﴿٢﴾  
فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَٰذَا الْبَيْتِ ﴿٣﴾ الَّذِي أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ وَعَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍ ﴿٤﴾

“Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah). (laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam), Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini, Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan”.

(Quraisy: 1-4)

Allah S.W.T membenarkan para hambaNya melakukan apa-apa bentuk kegiatan keusahawanan dengan syarat ia tidak melanggar ajaran Islam. Ini jelas dalam Al-Quran di mana Allah S.W.T berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا  
اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)”.

(Al-Jumu'ah: 10)

Justeru itu amatlah perlu menitik beratkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti perniagaan bukan sahaja untuk menepati kehendak dan keperluan persekitaran malah juga untuk mendapat ganjaran di akhirat. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah Al-Nur:

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ  
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ

﴿٣٧﴾

“(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan”.

(An-Nur: 37)

Selain itu, penekanan mengenai keperluan mematuhi peraturan Islam dalam semua aspek ditekankan dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا  
خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata”.


(Al-Baqarah: 208)

Oleh itu, usahawan Muslim perlu mendalami ilmu pengetahuan keusahawanan sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Pengetahuan mengenai *maqasid syariah* perlu kerana ia menjadi indeks penentu dalam pelaksanaan semua perkara tidak terkecuali aspek

keusahawanan dan perniagaan. *Maqasid syariah* juga dikenalpasti sebagai penentu dan panduan dalam tingkah laku manusia untuk bertindak dalam melaksanakan sesuatu (Khamis, 2015).

### Maqasid Syariah

Objektif utama ajaran Islam adalah untuk menjadi rahmat bagi seluruh umat manusia (*rahmatan lil alamin*). Dengan itu, Allah S.W.T mengutus para nabi kepada pelbagai bangsa pada masa yang berlainan untuk tujuan yang sama. Di dalam Al-Quran Allah S.W.T menyatakan tujuan Nabi Muhammad S.A.W diutus ke dunia ini:



“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

(Al-Anbiya’: 107)

Untuk mencapai matlamat ini, konsep kesejahteraan manusia (*al-falah*) dipromosikan dalam Islam melalui konsep *maqasid syariah*. Dalam konteks ini Islam mengekalkan apa saja yang menyumbang kepada kesejahteraan manusia yang sebenar dan melarang apa-apa yang menyebabkan kemudaratan kepada kesejahteraan manusia (Ismail Nizam & Moussa Larbani, 2014).

*Maqasid syariah* bermaksud tujuan dan rahsia-rahsia yang telah ditetapkan Allah S.W.T pada setiap hukum yang telah disyariatkan untuk mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat, memelihara undang-undang, dan juga memakmurkan dunia sehingga mencapai tahap kesempurnaan, kebaikan, kemajuan, dan ketamadunan yang tinggi. Objektif utama *maqasid syariah* adalah untuk mempromosikan kesejahteraan manusia dan menjaga keselamatan mereka. Terdapat lima prinsip utama *maqasid syariah* iaitu memelihara agama (*ad-din*), menjaga nyawa (*an-nafs*), menjaga akal (*al-aql*), menjaga maruah/keturunan (*an-nasl*), dan menjaga harta (*al-maal*) (Al-Zuhayli, Wahbah, 1997).

Prinsip utama dalam *maqasid syariah* ialah memelihara agama (*ad-din*) yang bermaksud bahawa setiap individu perlu berpegang teguh dengan ajaran Islam dengan tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya. Prinsip kedua ialah menjaga nyawa (*an-nafs*) iaitu setiap individu perlu berusaha untuk memastikan mereka dapat menjaga keharmonian serta keselamatan diri dan keluarga, dan masyarakat. Prinsip ketiga iaitu menjaga akal (*al-aql*) bermaksud setiap individu perlu memelihara dan memupuk akal dengan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai murni yang bermanfaat. Perkara-perkara yang menjurus kepada kerosakan akal seperti ketagihan arak, dadah, judi, dan bahan lucah perlu dijauhi (JAKIM, 2019).

Setiap individu juga perlu memenuhi prinsip *maqasid syariah* yang keempat iaitu menjaga keturunan/maruah (*an-nasl*). Ini bermakna setiap individu perlu menjaga kehormatan diri, maruah, dan nama baik keturunan dengan menjauhi aktiviti-aktiviti tidak bermoral yang dapat meruntuhnya jalur keturunan yang suci dan merosakkan maruah agama, bangsa, dan negara seperti zina, liwat, lesbian, gay, dan biseksual. Prinsip terakhir ialah menjaga harta (*al-maal*). Islam tidak menghalang umatnya mengejar kekayaan asalkan harta yang diperolehi

datang dari sumber dan kaedah yang halal. Seseorang Muslim perlu bijak menggunakan peluang yang ada untuk mencari rezeki dan menjaga harta benda demi kesejahteraan diri dan keluarga (JAKIM, 2019).

Menurut teori *maqasid syariah*, kenaikan pendapatan dan kekayaan melalui pembangunan adalah diperlukan untuk memenuhi keperluan asas serta merealisasi pengagihan pendapatan dan kekayaan yang saksama. Ini merujuk kepada prinsip (*al-maal*). Walau bagaimanapun, teori *maqasid syariah*, tidak seperti teori ekonomi arus perdana, menafikan idea bahawa visi komprehensif tentang kesejahteraan manusia dapat direalisasikan dengan memfokuskan semata-mata kepada aspek material keperluan manusia. Menurut Teori *maqasid syariah* selain memenuhi aspek ekonomi (menjaga harta), kepuasan kesejahteraan rohani juga sama penting dalam merealisasikan kesejahteraan manusia yang sebenar (hak asasi manusia) demi mencapai pembangunan yang mampan dalam jangka masa panjang (Ismail Nizam & Moussa Larbani, 2014). Sehubungan itu, dengan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip *maqasid syariah*, seseorang usahawan Muslim akan dapat memelihara kemaslahatan atau kepentingan umum dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

## **METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian yang merupakan usahawan asnaf LZS. Borang soal selidik diedarkan ketika responden menghadiri program lanjutan keusahawanan anjuran Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS), LZS yang dikendalikan oleh sebuah konsultan yang dilantik. Seramai 100 orang usahawan asnaf LZS menjadi responden dalam kajian ini. Mereka diberikan penerangan dan masa yang mencukupi untuk menjawab borang soal selidik. Pemilihan sampel adalah berdasarkan persampelan mudah (*convenience sampling*). Bagi penentuan saiz sampel pula, sampel seramai 100 orang adalah berdasarkan saranan Roscoe (1975) yang menyatakan bahawa saiz sampel yang lebih besar dari 30 dan kurang dari 500 adalah mencukupi untuk menjalankan sesuatu kajian.

Skop kajian ini terbatas kepada pengetahuan usahawan asnaf LZS mengenai *maqasid syariah* dalam keusahawanan. Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah soalan mengenai *maqasid syariah* yang disusun berdasarkan lima prinsip *maqasid syariah*, manakala bahagian kedua adalah soalan demografik. Soalan soal selidik ini diadaptasi daripada kajian-kajian lepas dan juga dibentuk sendiri oleh pengkaji. Soalan-soalan ini telah dihantar kepada pakar bidang untuk proses semakan dan telah diuji melalui kajian rintis sebelum diedarkan kepada responden. Ujian kesahan soalan soal selidik menunjukkan nilai pekali *Alpha* adalah melebihi 0.6. Ini menunjukkan instrumen soal selidik untuk kajian ini adalah sah.

**JADUAL 1: Ujian Kesahan**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Pemuatan Faktor</b>	<b>Nilai Alpha</b>
<i>Maqasid syariah</i>	20 soalan	0.942

Data yang diperolehi dianalisa secara diskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (IBM SPSS)* versi 21.0.

## ANALISA DAN DAPATAN

### Analisa Profil Responden

**JADUAL 2: Profil Responden**

<b>Pembolehubah</b>	<b>Subjek</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Jantina	Lelaki	42	42.0
	Perempuan	58	58.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>
Umur	20-30	15	15.0
	31-40	34	34.0
	41-50	37	37.0
	51-60	13	13.0
	60 tahun ke atas	1	1.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>
Taraf Perkahwinan	Belum Berkahwin	18	18.0
	Berkahwin	65	65.0
	Balu/janda/duda	17	17.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>
Pendidikan	Sekolah Rendah	11	11.0
	PMR/SRP/LCE	20	20.0
	SPM	44	44.0
	STPM	1	1.0
	Diploma	9	9.0
	Sarjana Muda	10	10.0
	Lain-Lain	5	5.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>
Pendidikan Agama	PMRU/SMRA	41	41.0
	SMA	14	14.0
	STAM/STU	2	2.0
	Syahadah/4 Thanawi	2	2.0
	Universiti	6	6.0
	Pondok	2	2.0
	Surau/Masjid	33	33.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>	

Tempoh Penglibatan dalam Perniagaan	Kurang dari 1 Tahun	24	24.0
	1-2 tahun	20	20.0
	3-4 tahun	20	20.0
	5 tahun ke atas	36	36.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>
Pendapatan Bulanan Dari Perniagaan	Kurang dari RM1,000	41	41.0
	RM1,000-RM3,000	47	47.0
	RM3,001-RM5,000	8	8.0
	RM5,001-RM7,000	2	2.0
	RM7,001 dan ke atas	2	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>	
Daerah	Klang	2	2.0
	Kuala Langat	36	36.0
	Kuala Selangor	34	34.0
	Petaling	14	14.0
	Sabak Bernam	1	1.0
	Sepang	12	12.0
	Hulu Selangor	1	1.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

Daripada 100 orang responden, 42 peratus adalah usahawan lelaki manakala 58 peratus adalah usahawan perempuan. Majoriti responden berumur dalam lingkungan 31 hingga 50 tahun (71%). Data juga menunjukkan 15 peratus usahawan asnaf ini berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun. Dari segi taraf perkahwinan, majoriti responden berstatus berkahwin (65%).

Dari aspek pendidikan formal, majoriti usahawan asnaf LZS mendapat pendidikan sehingga SPM iaitu sebanyak 44 peratus. Malah data juga menunjukkan ada usahawan asnaf LZS ini yang memiliki Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 10 peratus dan 9 peratus lagi memiliki Diploma. Didapati bahawa kesemua usahawan asnaf LZS mempunyai latar belakang pendidikan yang baik. Bagi pendidikan agama pula 65 peratus mendapat pendidikan agama secara formal manakala 35 peratus lagi mendapat pendidikan agama secara tidak formal iaitu melalui ceramah dan kelas pengajian agama di pondok, surau, dan masjid.

Dari aspek perniagaan pula, 36 peratus responden telah menjalankan perniagaan 5 tahun ke atas manakala 40 peratus lagi telah menjalankan perniagaan selama 1 tahun hingga 4 tahun. Hanya 24 peratus responden yang boleh diklasifikasikan sebagai usahawan baru kerana mereka baru sahaja menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Dari aspek pendapatan perniagaan pula, 47 peratus usahawan asnaf LZS mendapat pendapatan dalam lingkungan RM1,000 hingga RM3,000 sebulan. Manakala 41 peratus masih berada di bawah garis kemiskinan iaitu mereka memperoleh pendapatan kurang dari RM1,000 sebulan. Terdapat 2 peratus daripada responden memperoleh pendapatan melebihi RM7,000 sebulan.

Dapatan bagi profil perniagaan pula menunjukkan daripada 100 orang responden, 36 peratus mengusahakan perniagaan di Kuala Langat, 34 peratus di Kuala Selangor, 14 peratus di Petaling, 12 peratus di Sepang, 2 peratus di Klang, manakala Sabak Bernam dan Hulu Selangor masing-masing 1 peratus.

### Analisa Pengelasan Skor Min

Analisa skor min *maqasid syariah* dibahagikan kepada lima mengikut prinsip-prinsip *maqasid syariah* iaitu usahawan asnaf LZS menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga harta, dan menjaga keturunan. Skor min diukur berdasarkan interpretasi skor min dan skala Likert empat min oleh Riduwan (2012) seperti dalam jadual 3 di bawah:

**JADUAL 3: Interpretasi skor min dan skala Likert empat min**

Skor min	Interpretasi min
1.0 - 1.50	Kurang kaitan
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

(Sumber: Riduwan, 2012)

**JADUAL 4: Jumlah skor min bagi prinsip *maqasid syariah* menjaga agama**

Bil	Pernyataan:	Min	Sisihan piawai
	<b>Saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat:</b>		
1	mendekatkan diri kepada Allah.	3.6000	.06139
2	merasai kekuasaan Allah	3.6500	.05573
3	menghindarkan diri daripada jenayah	3.6000	.05822
4	melaksanakan ibadah yang dituntut dalam Islam	3.7000	.05096
<b>Nilai skor min keseluruhan untuk prinsip menjaga agama</b>		<b>3.63</b>	

Jadual 4 menunjukkan nilai purata min bagi prinsip menjaga agama. Kesemua nilai purata menunjukkan tahap yang tinggi dengan pernyataan “*saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat melaksanakan ibadah yang dituntut dalam Islam*” mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.70. Nilai keseluruhan skor min bagi prinsip menjaga agama adalah tinggi iaitu 3.63.

**JADUAL 5: Jumlah skor min bagi prinsip *maqasid syariah* menjaga nyawa**

Bil	Pernyataan:	Min	Sisihan piawai
	<b>Saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat:</b>		
1	memelihara kesihatan	3.2000	.06172
2	memenuhi keperluan makanan harian yang mencukupi	3.5000	.05770
3	memenuhi keperluan tempat tinggal	3.4000	.06854
4	menjaga keselamatan diri	3.3000	.07454
<b>Nilai skor min keseluruhan untuk prinsip menjaga nyawa</b>		<b>3.35</b>	

Jadual 5 menunjukkan nilai purata min bagi prinsip menjaga nyawa. Kesemua nilai purata menunjukkan tahap yang sederhana dengan pernyataan “*saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat memenuhi keperluan makanan harian yang mencukupi*” mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.50. Manakala pernyataan “*saya menjalankan perniagaan dengan*

*tujuan dapat memelihara kesihatan”* mendapat skor min terendah iaitu 3.20. Nilai keseluruhan skor min bagi prinsip menjaga nyawa adalah sederhana iaitu 3.35.

**JADUAL 6: Jumlah skor min bagi prinsip *maqasid syariah* menjaga akal**

Bil	Pernyataan: Saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat:	Min	Sisihan piawai
1	memperolehi pendidikan yang sempurna	3.3000	.06825
2	membeli buku-buku rujukan agama	3.2000	.06416
3	meningkatkan kefahaman agama	3.4600	.05581
4	meninggalkan perkara yang boleh merosakkan akal	3.4000	.07954
<b>Nilai skor min keseluruhan untuk prinsip menjaga akal</b>		<b>3.30</b>	

Jadual 6 menunjukkan nilai purata min bagi prinsip menjaga akal. Kesemua nilai purata menunjukkan tahap yang sederhana dengan pernyataan *“saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat meningkatkan kefahaman agama”* mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.46. Manakala pernyataan *“saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat membeli buku-buku rujukan agama”* mendapat skor min terendah iaitu 3.20. Nilai keseluruhan skor min bagi prinsip menjaga akal adalah sederhana iaitu 3.30.

**JADUAL 7: Jumlah skor min bagi prinsip *maqasid syariah* menjaga keturunan**

Bil	Pernyataan: Saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat:	Min	Sisihan piawai
1	menghindarkan diri daripada sifat meminta-minta kepada manusia	3.7000	.04513
2	membina semangat untuk terus hidup	3.7000	.04820
3	menjaga maruah saya	3.5000	.05932
4	menghindarkan pertengkaran berkaitan masalah kewangan dalam keluarga	3.5500	.06571
<b>Nilai skor min keseluruhan untuk prinsip menjaga keturunan</b>		<b>3.60</b>	

Jadual 7 menunjukkan nilai purata min bagi prinsip menjaga keturunan. Kesemua nilai purata menunjukkan tahap yang tinggi dengan pernyataan *“saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat menghindarkan diri daripada sifat meminta-minta kepada manusia”* dan *“membina semangat untuk terus hidup”* mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.70. Manakala pernyataan *“saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat menjaga maruah saya”* mendapat skor min terendah iaitu 3.50. Nilai keseluruhan skor min bagi prinsip menjaga keturunan adalah tinggi iaitu 3.60.

**JADUAL 8: Jumlah skor min bagi prinsip *maqasid syariah* menjaga harta**

Bil	Pernyataan: Saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat:	Min	Sisihan piawai
1	menyelesaikan masalah kewangan	3.7000	.04560
2	melunaskan hutang	3.6000	.05505
3	mencukupkan perbelanjaan harian	3.7500	.04352
4	menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat	3.5800	.05352
<b>Nilai skor min keseluruhan untuk prinsip menjaga harta</b>		<b>3.65</b>	

Jadual 8 menunjukkan nilai purata min bagi prinsip menjaga harta. Kesemua nilai purata menunjukkan tahap yang tinggi dengan pernyataan “*saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat mencukupkan perbelanjaan harian*” mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.75. Manakala pernyataan “*saya menjalankan perniagaan dengan tujuan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat*” mendapat skor min terendah iaitu 3.58. Nilai keseluruhan skor min bagi prinsip menjaga harta adalah tinggi iaitu 3.65.

**JADUAL 9: Nilai keseluruhan skor min bagi *maqasid syariah***

Bil	Prinsip <i>maqasid</i>	Purata min	Tahap
1	Menjaga agama	3.63	Tinggi
2	Menjaga nyawa	3.35	Sederhana
3	Menjaga akal	3.30	Sederhana
4	Menjaga harta	3.65	Tinggi
5	Menjaga keturunan	3.60	Tinggi
<b>Nilai keseluruhan skor min bagi <i>maqasid syariah</i></b>		<b>3.50</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 9 menunjukkan secara keseluruhan nilai skor min bagi *maqasid syariah* adalah 3.50. Ini bermakna tahap pengetahuan usahawan asnaf LZS mengenai *maqasid syariah* adalah sederhana. Ini berkaitan dengan latar belakang pendidikan usahawan asnaf LZS yang kesemuanya mempunyai asas pendidikan agama samada secara formal di sekolah atau pun institusi pendidikan, mahupun secara tidak formal melalui kehadiran ke ceramah dan kelas pengajian agama di pondok, surau, dan masjid. Justeru itu tidak mustahil usahawan asnaf LZS mempunyai pengetahuan mengenai *maqasid syariah* yang mana ianya berkaitan dengan tujuan usahawan menjalankan perniagaan. Prinsip menjaga nyawa dan akal berada pada tahap sederhana dengan skor min masing-masing adalah 3.35 dan 3.30. Ini adalah kerana tujuan menjalankan perniagaan kurang dapat dikaitkan dengan faktor menjaga nyawa dan akal.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan usahawan asnaf lebih menumpukan kepada memelihara harta iaitu keuntungan perniagaan yang akan dibelanjakan untuk menguruskan kewangan dan hutang. Prinsip menjaga agama mendapat skor tinggi kerana usahawan asnaf mempunyai asas pendidikan agama, tambahan pula mereka mendapat pengisian daripada latihan keusahawan yang dianjurkan pihak TERAS yang menekankan aspek

pembayaran zakat dan kebergantungan kepada Allah S.W.T. Sementara itu, prinsip menjaga keturunan juga mempunyai skor yang tinggi kerana kebanyakan asnaf malu untuk memintaminta. Mereka percaya berniaga dapat meningkatkan taraf hidup dan tidak perlu lagi bergantung kepada orang lain.

## **PERBINCANGAN DAN PENUTUP**

Kajian ini memberi penekanan kepada pengetahuan usahawan asnaf LZS terhadap prinsip *maqasid syariah* dalam keusahawanan. Dalam kajian ini, pengetahuan usahawan asnaf LZS mengenai *maqasid syariah* berada di tahap sederhana. Pengetahuan tersebut banyak dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan mereka sendiri iaitu kesemua usahawan asnaf LZS mempunyai latar belakang pendidikan agama yang baik yang diperolehi secara formal melalui pendidikan di sekolah atau universiti, begitu juga secara tidak formal melalui ceramah agama di masjid, surau, dan melalui media sosial dan elektronik. Selain itu, mereka juga mendapat bimbingan daripada latihan keusahawanan yang disediakan oleh pihak LZS yang juga ada menerapkan elemen Islam di dalam keusahawanan. Kajian ini selari dengan kajian Azila Ahmad Sarkawi et al. (2015) yang mendapati 43 peratus daripada responden mempunyai pengetahuan dan mampu memahami dengan baik berkenaan *maqasid syariah* kerana mereka terlibat dengan pendidikan agama Islam.

Pengetahuan mengenai *maqasid syariah* akan menyebabkan usahawan sedar tujuan sebenar mereka menjalankan perniagaan. Ini kerana perniagaan yang dijalankan bukan hanya untuk kepentingan diri sendiri, malah untuk memenuhi kehendak dan keperluan persekitaran, mendapat keberkatan serta keredhaan Allah S.W.T. Dalam menjalankan perniagaan usahawan Muslim perlu menjaga hubungan dengan Allah S.W.T, hubungan sesama manusia (dengan pihak yang terlibat dan berkepentingan dengan perniagaannya seperti pembekal, pelanggan, penguasa undang-undang, media dan sebagainya), serta menjaga hubungan dengan makhluk lain (hidupan lain dan alam sekitar).

Terdapat beberapa batasan kajian dalam kajian ini di mana dapatan kajian terhad kepada respon usahawan asnaf LZS sahaja namun ianya adalah selari dengan objektif kajian. Kajian akan datang boleh diperluaskan kepada responden usahawan secara keseluruhan. Kajian ini meneroka tahap pengetahuan usahawan asnaf LZS berkaitan prinsip-prinsip *maqasid syariah* yang mendasari tujuan mereka menjalankan aktiviti keusahawanan. Kajian ini dapat menjadi asas dalam pengamalan keusahawanan Islam di mana usahawan perlu mempunyai pengetahuan mengenai keusahawanan Islam serta *maqasid syariah*. Pengetahuan tersebut akan dapat membentuk kefahaman, dan seterusnya diharap dapat diterjemahkan ke dalam amalan keusahawanan mereka mengikut garis panduan yang disarankan oleh Islam.

Kesimpulannya, umat Islam mempunyai sistem nilai hidup mereka sendiri berdasarkan Islam, begitu juga usahawan Muslim. Perniagaan yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam akan membantu usahawan Muslim dalam memacu mereka agar menjadi produktif dan berdaya saing. Mereka harus jelas mengenai tujuan keusahawanan mereka, proses-proses yang mereka jalani dan aktiviti-aktiviti yang mereka lakukan supaya usaha mereka diberi ganjaran bukan sahaja dalam bentuk keuntungan ekonomi tetapi juga barakah, ketenangan serta kesejahteraan ummah.

## **Rujukan**

### Al-Quran

- Azila Ahmad Sarkawi, Alias Abdullah, Zaleha Kamaruddin, Nurul Aida Salim, Norimah Md Dali. (2015). A survey on the understanding of maqasid al-shari'ah among local authorities in Malaysia in the pursuit of urban sustainability. *Proceeding International Conference on Maqasid al-Shari'ah in Public Policy and Governance*. 1-16.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Nazariyah al-dhorurah al-syari'yyah muqaranah maa' al-qanun al-wadhi'*. Dar al-Fikr, Damsyik, hlm. 48.
- Dana L.P. (2010). *Entrepreneurship and Religion*. Cheltenham, U.K.: Edward Elgar.
- Farida Mohammed Shehu, Nor Hayati Binti Ahmad, Al-Hasan Al-Aidaros. (2015). Islamic entrepreneurship in the light of maqasid al-shariah: a critical review. *Journal of Social and Development Sciences*. 6 (4).
- Gumusay, A.A. (2015). Entrepreneurship from an Islamic perspective. *Journal of Business Ethics*. 130 (1).
- Ismail Nizam & Moussa Larbani. (2014). An integrated Maqasid al-Syariah based measure of socio-economic prosperity: a composite index. *Proceeding International Conference Thematic Workshop on Maqasid Al-Shariah based Measurement of Socioeconomic Development*. Jogjakarta, Indonesia. Volume: 2.
- JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019). Prinsip *maqasid syariah*. Retrieved from <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah>.
- Kalsom Abdul Wahab & Ahmad Rafiki. (2014). Measuring small firm entrepreneur's performance based on Al-falah. *World Applied Sciences Journal*. 29 (12), 1532–1539. <https://doi.org/10.5829/idosi.wasj.2014.29.12.2058>.
- Kamal Abd Razak. (2017). Islamic entrepreneurship model. *Proceeding International Muamalat and Entrepreneurship Conference (IMEC 4)*. September 2017.
- Khamis, M. R. (2015). Measuring religious values development based on *maqasid syariah* approach in compliance behaviour of business zakat scenario. *Advances in Business Research International Journal*. 51-62.
- Lembaga Zakat Selangor. (2017, April 25). 965 keluarga berjaya keluar asnaf. Retrieved from <https://www.zakatselangor.com.my>.
- Riduwan. (2012). *Skala pengukuran variable-variable: Penelitian*. Bandung: Alfabeta.
- Roscoe, J.T. (1975). *Fundamental research statistics for the behavioural sciences*. 2<sup>nd</sup> edition. New York: Holt Rinehart & Winston.
- Sodri Ariffin & Syahira Hamidon. (2017). *Introduction to entrepreneurship*. Oxford Fajar.
- Yahya Ibrahim (2014). *Keusahawanan dan daya saing dalam sektor pelancongan pulau*. Cetakan Pertama 2014. Penerbit Universiti Sultan zainal Abidin (UniSZA).